

PERBADANAN WAKAF SELANGOR :SATU ASPIRASI DALAM PEMBANGUNAN WAKAF PENDIDIKAN

Ismail Omar, Hammad Mohamad Dahalan, dan Zainuddin Che Seman
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
ismailomar@kuis.edu.my

Abstrak

Wakaf adalah salah satu mekanisma kelangsungan ummah yang sangat dititikberatkan dan sudah terbukti keampuhannya. Sejarah telah mempamirkan kepada kita bahawa amalan wakaf tidak boleh diperkecilkan fungsinya dan telah banyak berjasa kepada agama dan masyarakat terutamanya dalam bidang pendidikan. Perbadanan Wakaf Selangor pula ditubuhkan bagi memastikan harta wakaf Selangor dapat diurus dan dibangunkan dengan baik. Manakala kertas kerja ini bertujuan memberi gambaran tentang Perbadanan Wakaf Selangor dalam pembangunan wakaf pendidikan dan memberi beberapa pandangan dan cadangan berkaitan fungsi atau peranan Institusi wakaf dalam pembangunan pendidikan. Dalam kajian ini penulis menggunakan metode pengumpulan data dalam usaha mengumpulkan data yang diperlukan, penulis menggabungkan beberapa metode dengan melakukan bentuk penyelidikan utama iaitu penyelidikan perpustakaan (Library Research), metode dokumentasi, metode analisis data, Metode Induktif dan deduktif serta Metode Komparatif.

Kata Kunci: Wakaf, mekanisma, pendidikan, wakaf Selangor, wakaf pendidikan.

1.0 PENDAHULUAN

Sepanjang sejarah umat Islam, wakaf adalah salah satu institusi terpenting yang telah memberikan sumbangan besar kepada pembangunan sosioekonomi dan sosial masyarakat Islam. Peranannya sama seperti infaq, sedekah jariah, hibah dan sebagainya. Namun, apayang membezakannya ialah mereka yang melakukan amalan ini akan memperolehi pahala yang berkekalan selama mana harta yang diwakafkan tersebut masih berguna dan bermanfaat bagi orang lain. Dari aspek sosioekonomi, wakaf dikatakan sebagai sumber modal yang merupakan salah satu daripada faktor-faktor pengeluaran. Melalui aktiviti ekonomi seperti perniagaan dan pelaburan, sumber modal ini mampu menghasilkan keuntungan sehingga berlipat berganda daripada nilai asalnya sekiranya ia diuruskan dengan sempurna. Dari aspek sosial pula amalan ini mampu melahirkan sifat bertanggungjawab, tolong-menolong dan melahirkan masyarakat penyayang sepertimana yang digalakkan oleh Islam, malah ia merupakan salah satu dari bentuk jaminan sosial (Tadhamun Ijtimaie) dalam Sistem Islam. Keterikatan terhadap prinsip-prinsip wakaf dalam urus tadbir harta dan perkara-perkara berkaitan dengannya akan membuatkan tujuan wakaf lebih terpelihara. Contohnya kurikulum pendidikan tertentu akan digunakan secara berterusan sekiranya itulah yang disyaratkan oleh pewakaf institusi pendidikan berkenaan. Pembangunan harta wakaf boleh dilaksanakan sama ada secara individu, masyarakat atau institusi, kerajaan dan bukan kerajaan. Mereka bukan sahaja menyumbang kepadapembangunan sosioekonomi dan sosial masyarakat Islam malah akan mendapat ganjaran yang berkekalan dari Allah s.w.t.

2.0 HUBUNGAN DI ANTARA WAKAF DENGAN PENDIDIKAN

Wakaf pada syara' bererti : menahanseketika harta yang dapat diambil manfaatnya oleh penggunatertentu atau orang ramai tanpa susut fizikalnya,untuk penggunaan yang mubah(harus) serta di arahkan untuk mendapat keredaan Allah s.w.t.Manakala pendidikan pula ialah: Suatu proses pemindahan nilai-nilai kebudayaan atau keilmuan yang memupuk seluruh potensi semulajadi manusia, jasmani dan rohani secara padu dan berimbang rapi bagi melahirkan individu-individu yang segala rupa kegiatan hidupnya berteraskan keimanan kepada Allah Subhanahu Wataala dan melaksanakan amanahnya dari satu generasi ke satu generasi sebagai khalifah Allah di bumi ini.

Dalam berwakaf Rasulullah SAW bersabda yang di antara lainnya ialah:

عن أبي هريرة رضي الله عنه، أنه قال : قال النبي صلى الله عليه وسلم : إذا مات ابن آدم انقطع عمله إلا من ثلاثة، صدقة جارية ، أو علم ينتفع به، أو ولد صالح يدعو له.

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah r.a.,Rasulullah telah bersabda : Apabila mati seseorang anak Adam maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah yang berterusan (wakaf), atau ilmu yang berguna atau anak yang soleh yang berdoa untuk ibu bapanya .

(Riwayat al Jamaah kecuali Bukhari dan Ibnu Majah).

Hadis ini secara jelas merangkumkan ketiga-tiga perkara iaitu wakaf,ilmu dan anak yang soleh. Oleh itu dapatlah disimpulkan di sini bahawa dengan sumber dan kemudahan pembiayaan yang kukuh dapatlah dijalankan proses pendidikan yang berkesan sehingga lahirilah generasi yang soleh lagi bertanggungjawab.

Sejak zaman Rasulullah lagi boleh dikatakan peranan wakaf sangat besar dalam pembangunan pendidikan. Bermula dari wakaf pembinaan Masjid Nabawi sehinggalah ke pelbagai bentuk wakaf yang wujud kemudiannya sangat berperanan besar dalam pembangunan pendikan Islam dan kelangsungannya sehingga ke hari ini.

Kelemahan fungsi dan peranan institusi wakaf terutamanya pada hari ini seolah merencatkan kelancarandua aspek lagi iaitu pendidikan Islam tulen dan kelahiran generasi soleh yang diidam-idamkan.

3.0 CONTOH-CONTOH WAKAF YANG TERKENAL DALAM SEJARAH PENDIDIKAN ISLAM.

3.1 Wakaf Pemerintah

3.1.1 Wakaf Nizam al Mulk.(Perintis Sistem Sekolah(madrasah)).

Nizam al Mulk telah mewakafkan harta-harta wakaf kepada sekolah An Nizamiyyah berupa buku-buku, kewangan,perniagaan,pasaraya sekitar sekolah itu pada tahun 462H.

Ibn Jubair pernah menyatakan bahawa ia melihat di Baghdad sejumlah 30 buah sekolah telah didirikan.Setiap sekolah tersebut mempunyai bangunan yang indah.Yang terbesardan paling terkenal ialah sekolah-sekolah Nizamiyyah yang dibangunkan oleh Nizamul Mulk sendiri dan mempunyai beberapa wakaf yang besar dan barang-barang tak bergerak untuk membiayai para ulama' dan guru-guru serta pelajar-pelajar.

Mengikut al Syalaby wang yang dikeluarkan oleh Nizamul Mulk untuk pembiayaan sekolah-sekolah Nizamiyyah dalam satu tahun sahaja berjumlah 600,000 dinar.Sedangkan

sekolah-sekolahnya di Baghdad dapat menghasilkan dari wakaf-wakaf yang diperuntukan kepadanya berjumlah 15,000 dinar setahun. Di Asfahan pula ianya dapat menghasilkan sebanyak 10,000 dinar setahun.

3.1.2 Wakaf Muayyid Sheikh

Muayyid Sheikh telah mewakafkan hartanya yang banyak untuk memberi gaji kepada guru-guru di dalam mazhab Hanafi, Maliki, Shafie dan Hambali. Masing-masing dengan murid muridnya disamping guru tafsir, guru hadith, guru bacaan, imam masjid dan khatibnya sekali. Beliau sendiri memilih guru-guru yang difikir layak untuk diberi wakaf kepada mereka.

3.1.3 Wakaf Sultan Qaitbay

Sultan Qaitbay telah mewakafkan hartanya untuk membiayai penyimpanan buku-buku wakaf, membiayai anak-anak yatim di dalam pembelajaran Al Quran dan Bahasa Arab, membayar gaji guru anak-anak yatim serta menyediakan pakaian mereka dengan syarat-syarat tertentu. Beliau juga telah membina beberapa surau dengan menyediakan perkhidmatan pendidikan di surau itu terutama kepada anak-anak yatim malah makanan seperti roti juga telah diberi kepada mereka. Selain dari itu beliau telah mewakafkan empat belas buah kedai, sebuah asrama, sebuah surau, kilang-kilang tenun, tempat-tempat tinggal, saluran-saluran air, tanah-tanah pertanian dan kolam air.

3.2 Contoh-Contoh Wakaf Ulama'

Di antara Ulama'-Ulama' yang terkenal dengan wakaf-wakaf mereka ialah:

- (a) Muhammad Bin Syu'bah Al-Far Sakkuri yang membina sekolah dekat rumahnya, dan diangkatnya Al-Syhab Al-Baijun sebagai guru.
- (b) Abu Bakar Al-Dimasyqi telah membiayai berbagai sekolah diantaranya yang berdekatan dengan rumahnya. Sebuah lagi di Quds, sebuah rabat dan sekolah di Madinah dan dua buah rumah tetamu di Makkah pada tahun 893 Hijrah.
- (c) Ahmad Bin Muhammad Bin Yahya Al Manzili telah membina sebuah masjid dimana terkumpul di dalamnya orang-orang fakir, pelajar-pelajar dan murid-murid. Beliau lah yang membiayai mereka mengikut kesanggupan beliau.

Sebenarnya terlalu banyak wakaf-wakaf yang telah diberi oleh segenap lapisan Umat Islam untuk memajukan pendidikan dari semasa kesemasa. Diantara institusi-institusi pendidikan wakaf yang terkemuka dan unggul sehingga ke hari ini ialah Universiti Al-Azhar dengan semua jenis pendidikannya yang kini sudah berusia lebih dari 1,000 tahun. betapa kayanya Al-Azhar dengan harta wakaf sehingga boleh membiayai peperangan negara. Al-Azhar sehingga kini ditadbirkan oleh harta wakaf yang digunakan untuk membina bangunan asrama, bilik kuliah, membayar gaji tenaga pengajar dan kakitangan termasuk biasiswa kepada pelajar dari dalam dan luar negeri. Pada zaman Gamel Abd. Nasser Sheikh Al Azhar telah diminta membenarkan Kerajaan Mesir meminjam wang dari Azhar untuk menghadapi peperangan. Walaupun perkara itu salah, namun dapat kita bayangkan kepentingan peranan wakaf dan banyaknya jumlah sumber wakaf pada ketika itu malah ianya telah melahirkan Kementerian Wakaf di negara Timur Tengah.

Ramai juga siswazah yang dilahirkan melalui pembiayaan berbentuk wakaf termasuk siswazah dari negara Malaysia. Sistem wakaf yang ditunjukkan oleh Rasulullah ini bukan sahaja berjalan dikalangan Umat Islam, malah ianya telah diamalkan di Barat seperti di

Amerika demi untuk mengukuhkan kebudayaan mereka walaupun mereka pada asalnya tidak mempunyai sistem serupa ini. Yayasan-yayasan seperti Yayasan Ford, Yayasan Asia, Yayasan Rockefeller dan lain-lain lagi yang telah banyak berjasa dalam pelbagai bidang terutamanya penyelidikan dan Pendidikan. Idea asalnya adalah diambil dari hadith yang menyebut tentang perkaitan di antara wakaf, ilmu dan anak yang soleh.

Di Malaysia boleh dikatakan kebanyakan Madrasah dan pondok didirikan dengan bantuan harta wakaf. Begitu juga pembiayaan bagi perjalanannya seperti Madrasah Hamidiah (sekarang Ma'had Mahmud) di Kedah, Madrasah Sultan Zainal Abidin (kini KUSZA) di Terengganu, Kolej Islam Malaya (Kolej Islam Kelang) di Selangor dan lain-lain lagi.

4.0 LATAR BELAKANG PERBADANAN WAKAF NEGERI SELANGOR

4.1 Sejarah Penubuhan Perbadanan Wakaf Selangor

Sejarah Perbadanan Wakaf Selangor bermula pada 30 Oktober 2009 dengan titah DYMM Tuanku Sultan Selangor supaya pihak MAIS menubuhkan Perbadanan Wakaf Selangor khusus kepada pengurusan harta wakaf sahaja. Ini adalah supaya pengurusan wakaf dapat diperkasakan sepertimana pengurusan zakat yang telah pun maju ke hadapan berbanding pengurusan wakaf.

Pada 8 Februari 2010 di dalam satu Mesyuarat Jawatankuasa MAIS telah pun diputuskan untuk mewujudkan satu Perbadanan Wakaf Selangor MAIS selaras dengan titah DYMM Sultan Selangor dan juga Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Pindaan 2008.

Bermula dengan perantikan Pengerusi dan Pengurus Besar Perbadanan Wakaf Selangor, pada 29 Jun 2009 kemudiannya tertubuhlah Perbadanan Wakaf Selangor ini pada 11 Januari 2011 dan diwartakan pada 3 Februari 2011. Pada Jun 2011, Perbadanan Wakaf Selangor mula beroperasi sepenuhnya.

Pada awal penubuhan, PWS beroperasi hanya dengan 11 orang kakitangan yang di pinjam dari Majlis (MAIS), dan sehingga kini mempunyai hampir 40 orang kakitangan.

4.2 Objektif dan Fungsi Perbadanan Wakaf Selangor

Objektif Perbadanan Wakaf ini ialah untuk meningkatkan nilai tambah dalam pengurusan harta wakaf. Selain itu juga, untuk membudayakan amalan wakaf ke arah membangunkan ekonomi ummah secara efikasi dan holistik berdasarkan hukum syarak.¹

Fungsi Perbadanan Wakaf Selangor, antaranya adalah²:

- (a) memberi nasihat kepada Majlis berkenaan dengan dasar, cara, langkah yang perlu dilaksanakan dan diambil untuk menggalakkan pembangunan harta dan produk wakaf.
- (b) melaksanakan dan memberi kesan kepada apa-apa dasar, arahan atau perintah Majlis berkenaan dengan pembangunan harta dan produk wakaf.
- (c) membangun, menerimapakai dan melaksanakan dasar, cara dan langkah mengenai pembangunan harta dan produk wakaf.
- (d) bertindak sebagai agensi penyelaras di dalam pelaksanaan kemajuan pembangunan harta dan produk wakaf secara pesat.
- (e) merancang, membangun, melaksana dan menggalakkan pembangunan dan

¹ Temu bual bersama Encik Mohd Azmi Bin Misron, Pengurus Bahagian Penyelidik dan Pelaburan di Perbadanan Wakaf Selangor pada 29 Ogos 2014. Jam 3.30 petang

² <http://www.wakaf.selangor.gov.my>

- pelaksanaan harta dan produk wakaf.
- (f) mengurus dan menjalankan pengendalian serta penyelenggaraan harta wakaf termasuk kemudahan, infrastruktur, tempat dan alat di kawasan harta wakaf tersebut.
- (g) menggalakkan, menyelaraskan dan melaksanakan kajian serta pembangunan di dalam semua aspek harta dan produk wakaf.

4.3 Jenis Wakaf Yang Diuruskan oleh PWS³

4.3.1 Wakaf Khas

Wakaf Khas adalah wakaf yang dimana pewakaf meniatkan wakafnya untuk sesuatu tujuan khusus. Sebagai contoh seseorang telah mewakafkan tanah hanya untuk tujuan pembangunan sekolah. PWS telahpun melaksanakan pembangunan dan pembinaan dibawah kategori wakaf ini. Ia adalah seperti pembinaan Sekolah Rendah Agama Pulau Indah Klang, Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong dan Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum di Hulu Langat.

4.3.2 Wakaf Tunai

Wakaf Tunai ialah berwakaf menggunakan wang tunai (Saham Wakaf Selangor) yang di kumpul di dalam satu tabung amanah di bawah Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) untuk mentadbir dan mengurus saham wakaf bagi tujuan membiayai projek-projek pembangunan dan pelaburan untuk kebajikan dan kepentingan umat Islam secara berterusan. Dana yang dikutip daripada kategori ini, PWS telah berjaya melaksanakan pembangunan kedai-kedai untuk disewa serta Perpustakaan Wakaf MAIS di Shah Alam. Wakaf Tunai merupakan Wakaf Harta Alih dan juga dikategorikan sebagai Wakaf Am.

4.3.3 Wakaf Harta Tak Alih (Harta Yang Tidak Boleh Dipindahkan)

Wakaf ini dikategorikan di bawah Wakaf Am yang manfaatnya boleh digunakan oleh semua orang Islam. Harta Tak Alih merupakan harta yang tidak boleh dipindahkan seperti rumah, bangunan dan tanah. Sebagai contoh yang telah dilaksanakan oleh PWS adalah seperti Masjid Pekan Sepang, daripada tanah yang diwakafkan oleh Tan Sri Rashid Hussin untuk tujuan pembinaan Masjid. Begitu juga dengan Masjid Sungai Gulang adalah daripada dana kerajaan negeri akan tetapi tanah tersebut adalah tanah pemaju.

Hasil sumbangan daripada saham wakaf akan dikumpulkan dalam kumpulan wang wakaf dan akan diagihkan kepada program pembangunan masyarakat Islam. Harta wakaf tersebut akan disalurkan untuk tujuan berikut:⁴

- (a) Aktiviti ekonomi seperti program pembangunan tanah wakaf, pembangunan projek komersial / perniagaan, pembelian lot-lot hartanah serta projek perumahan.
- (b) Aktiviti pendidikan seperti pembinaan sekolah agama, universiti, ma'had tahfiz serta bantuan biasiswa.
- (c) Bantuan am seperti pembinaan masjid, surau dan kemudahan umum masyarakat Islam dan juga untuk penyelenggaraan bangunan institusi-institusi agama.
- (d) Aktiviti sosial seperti bantuan anak yatim, program pembangunan insan dan pembiayaan rawatan serta pemulihan.

³ <http://www.wakaf.selangor.gov.my>

⁴ Temubual bersama Encik Mohd Azmi Bin Misron. Pengurus Bahagian Penyelidik dan Pelaburan di Perbadanan Wakaf Selangor pada 29 Ogos 2014. Jam 3.30 petang.

5.0 CONTOH-CONTOH PROJEK PEMBANGUNAN HARTA WAKAF SELANGOR BAGI TUJUAN PENDIDIKAN.

5.1 Wakaf Pusat Pendidikan Am.

5.1.1 Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, Shah Alam.

Masjid ini telah siap dibina pada tahun 2013 dengan kos sebanyak RM25juta.

5.1.2 Masjid Tengku Kelana Jaya, Petra.

Masjid Tengku Kelana Jaya, Petra.Taman Bandaran Kelana Jaya dibina pada 2008 dengan kos RM 8 juta.

5.1.3 Masjid Glenmarie, Shah Alam.

Masjid Glenmarie ini bertempat di Shah Alam. Ianya masih dalam pembinaan untuk didirikan sebuah masjid dengan kos sebanyak RM 8 juta. Masjid ini dijangka akan siap pada tahun 2016.

5.1.4 Masjid Bukit Sentosa 2, Bukit Beruntung, Hulu Selangor.

5.1.5 Masjid Jami'ul Hasaniah, Klang.

5.1.6 Masjid Taman Puncak Jalil, Seri Kembangan

Dengan menggunakan kos berjumlah RM65juta

5.1.7 Masjid Al-Islah, Sementa, Klang.

5.1.8 Masjid An-Nur, Kampung Kunci Air Buang, Tanjong Karang

Dengan menggunakan dana Saham Wakaf Selangor berjumlah RM 350,000.30

5.1.9 Surau Al-Umm, Sungai Ramal Dalam, Kajang

Dibangunkan dengan kos RM 650 ribu.

5.1.10 Perpustakaan Wakaf MAIS

Perpustakaan Wakaf MAIS di tingkat satu, Wisma MAIS, Seksyen 3 Shah Alam berjumlah RM 350,000.00

5.2 Wakaf Pusat Pendidikan Khusus.

5.2.1 Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum.

Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum, Jalan Kuari Sungai Long, Kg. Sungai Serai, Hulu Langat dengan kos sebanyak RM 25 juta.

5.2.2 Sekolah Rendah Agama Pulau Indah

Dibina pada tahun 2011, dengan kos sebanyak RM 2juta.

5.2.3 Pembinaan bilik darjah dan kelengkapan pembelajaran Sekolah Agama Darus Sa'adah Ijok, Selangor

Dengan kos 95,400.00.

5.2.4 Penambahbaikan Surau Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Menegon, Klang.

5.3 Statistik Kutipan Semasa (RM) Sehingga 31 Mei 2014 Bagi Wakaf Khas Mengikut Daerah Sekitar Negeri Selangor

Bil	Daerah	Sehingga 31 Mei 2014
1.	Petaling & Ibu Pejabat	12,488,092.78
2.	Gombak & Hulu Selangor	629,790.45
3.	Klang & Kuala Langat	1,823,832.37
4.	Sabak Bernam & Kuala Selangor	308,121.90
	Jumlah (Rm)	15,249,837.50

6.0 CABARAN-CABARAN DALAM MENGURUSKAN HARTA WAKAF DI NEGERI SELANGOR⁵

6.1 Latar Belakang Kakitangan

Masalah yang dihadapi oleh Bahagian Pengurusan Harta Wakaf ini ialah kakitangan yang ada tidak semuanya dari latar belakang agama. Kebimbangannya jika berlaku kekhilafan ketika menguruskan harta wakaf tersebut.

Pihak Perbadanan Wakaf Selangor telah berusaha mencari penyelesaian serta membuat perancangan yang strategik. Kakitangan yang menguruskan wakaf itu perlu mempunyai asas maklumat yang cukup tentang wakaf walaupun bukan dari latar belakang pengajiannya yang khusus. Pemantauan dan bimbingan berterusan perlu diberikan supaya setiap harta yang diuruskan mematuhi kehendak syarak.

6.2 Masalah Kewangan

Kekurangan kewangan atau modal adalah satu masalah utama yang dihadapi oleh Perbadanan Wakaf Selangor dalam usaha-usaha membangunkan harta wakaf tersebut. Kebanyakan hasil pendapatan dan harta wakaf yang diperolehi digunakan untuk perbelanjaan pengurusan wakaf itu sendiri terutama penyelenggaraan, pembaikan dan pentadbiran wakaf. Keadaan ini menyukarkan untuk menyusun dan melaksanakan sesuatu perancangan.

Dalam usaha untuk membangunkan harta wakaf dengan sumber kewangan yang terhad, PWS perlu lebih berdikari dengan sendiri dalam memajukan harta wakaf. Perbadanan Wakaf perlu bijak menguruskan kewangan dan juga perlu mempunyai strategik pengurusan itu sendiri mahu pun dari aspek pemasaran dan aspek-aspek yang lain.

⁵ Temu bual bersama Encik Mohd Azmi Bin Misron, Pengurus Bahagian Penyelidik dan Pelaburan di Perbadanan Wakaf Selangor pada 29 Ogos 2014, Jam 3.30 petang.

7.0 CADANGAN-CADANGAN TERHADAP PWS.

- (a) Kajian mendapati terdapat beberapa masalah yang boleh mengganggu kelancaran pengurusan dan pentadbiran harta wakaf di Selangor. Kegagalan dalam menanganinya dengan baik boleh mengakibatkan harta-harta wakaf ini gagal dimanfaatkan dan terbiar.
- (b) Pengurusan harta wakaf yang efisien dan produktif di beberapa negara telah terbukti memberikan banyak faedah kepada umat Islam itu sendiri. Pengurusan yang sebegini hanya mampu direalisasikan bila mana masyarakat jelas mengenai konsep dan pengurusan harta wakaf. Sehubungan dengan itu, kesedaran dan pemahaman masyarakat di Malaysia ini adalah amat penting. Mereka perlu dijelaskan bahawa wakaf ini tidak sekadar menyumbangkan harta dalam bentuk tanah dan bangunan sahaja. Oleh itu, pihak pengurusan harta wakaf perlu mengambil peranan dengan membuat lebih banyak promosi, kempen, program dan sesi taklimat untuk menerangkan dengan lebih terperinci mengenai wakaf.
- (c) Kajian juga mendapati adanya keperluan menambah bilangan kakitangan bagi menampung beban tugas yang semakin bertambah. Apa yang penting ialah setiap kakitangan hendaklah terdiri daripada orang yang mahir dan cekap dalam bidangnya.
- (d) Perlunya pihak yang berkenaan menubuhkan satu unit penguatkuasaan bagi menangani masalah pencerobohan tanah wakaf. Unit penguatkuasaan ini perlulah mengenakan satu tindakan undang-undang yang berbentuk denda atau pampasan.
- (e) Dari sudut masalah kewangan yang tidak mencukupi, pihak kerajaan negeri perlu memberi peruntukkan yang lebih besar bagi tujuan pengurusan dan pembangunan harta wakaf ini berjalan dengan lancar. Selain itu juga, syarikat-syarikat dan sektor-sektor swasta juga perlu membantu di dalam memajukan harta wakaf ini.
- (f) Penjurusan kepada wakaf pendidikan perlu diperkasakan lagi. Tujuan Pendidikan hendaklah disenaraikan dengan jelas dalam Carta Tujuan PWZ supaya ia dapat dilihat dengan lebih mudah.
- (g) Memberi outonomi kepada lebih banyak institusi pengajian untuk melancarkan wakaf pendidikan masing-masing atau secara bersama.
- (h) Menambah bilangan ahli lembaga pengarah PWS yang lebih berlatarbelakang dan berkecimpung dalam arina pendidikan.
- (i) Menubuhkan sub comeeti kepada ALP PWS khususnya yang berkaitan dengan wakaf pendidikan.
- (j) Mengalakkan sektor koprat , dan perkilangan membina dan memperkasakan unit dakwah dan pendidikan masing- masing bagi manfaat kakitangan mereka bersumberkan harta wakaf.

8.0 KESIMPULAN

Penubuhan PWS sememangnya amat-amat dinantikan dan sangat-sangat disyukuri. Ini kerana potensi dan kemampuannya sangat besar jika ia benar-benar dibangunkan dan diurustadbir dengan baik dalam pembangunan ummah khususnya dalam bidang pendidikan. Adakalanya belaku perubahan kerajaan atau dasarnya. Demikian juga dengan terjahan ekonomi dan sosial yang boleh menjejaskan kualiti pendidikan yang ditawarkan atau menamatkannya terus. Oleh itu dengan banyak dan hebatnya institusi wakaf maka pendidikan dapat dijamin keberterusannya kerana terikat dengan harta wakaf dan syarat-syaratnya yang khusus itu. Ini telahpun terbukti dalam sejarah pendidikan umat Islam itu sendiri. Langkah-langkah positif dan berhemah perlu diambil segera bagi membolehkan sumber-sumber yang sedia ada atau

lazimnya ada dapat diambil manfaatnya dengan segera. Tambahan pula pada zaman sekarang beban kerajaan adalah terlalu besar dan wujudnya persaingan pelbagai pihak dalam membangunkan peradaban masing-masing. Kelewatan kekurangan dan kelemahan pengurusan wakaf akan menyaksikan lebih banyak nilai-nilai dan ilmu pendidikan Islam akan terkorban, malahan adakalanya nasib umat sendiri tidak akan terbela.

9.0 RUJUKAN

- Ahmad Shalaby(1976): *Sejarah Pendidikan Islam* ,Terj.H.Muchtar Jahja dan M Sanusi Latief Singapura,Pustaka Antara.
- Enakmen Wakaf Negeri Selangor*, 1999.
- Hasan Langgulung(Prof.Dr)(1988): *Asas-asas Pendidikan Islam*,Jakarta,Pustaka Husna.
- Mustofa Al Khin(Dr), Mustafa al Bugha (Dr) dan Ali Asy Syarbaji (2009): *Al Fiqh Al-Manhaji*, Kuala Lumpur,Pustaka Salam.
- Osman Sabran. 2002. *Pengurusan Harta Wakaf*. Cet 1. Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor Darul Ta'zim.
- Perbadanan Wakaf Selangor. <http://www.wakaf Selangor.gov.my>
- Robiah Sidin(Dr)(1989): *Asas Pentadbiran Pendidikan*, Kuala Lumpur,Pustaka Cipta.
- Temu bual bersama Encik Mohd Azmi Bin Mison. Pengurus Bahagian Penyelidik dan Pelaburan di Perbadanan Wakaf Selangor pada 29 Ogos 2014.